

INFO SUKAN

EDISI MAC / APRIL 2019

Jawatankuasa
Info Sukan UPMKetua Editor:
Muhammad Al Amin MustafhaEditor:
Nurul Wahida Latif
Redzuan Md. Anjaziwww.i-sukan.upm.edu.my

f Pusat Sukan UPM

03-9769 1857

UPM SERDANG ANGELS BERADA DI KELAS TERSENDIRI

Kejohanan Liga Ragbi Malaysia 2019 telah menyaksikan pasukan Ragbi UPM Serdang Angels menutup tirai saingan di kedudukan tempat ke-3 keseluruhan. UPM Serdang Angels merupakan satu-satunya pasukan yang menggunakan khidmat 100% pemain tempatan dan atlet universiti tanpa pemain import yang mana kebanyakan pasukan yang bertanding dalam kejohanan liga ini menggunakan tenaga import dari negara Fiji. Dalam perlawanan penentuan tempat ketiga yang berlangsung pada 23 Mac 2019, UPM Serdang Angels cemerlang menewaskan pasukan UITM Lions dengan mata 36-17. Kesemua perlawanan Liga Ragbi Malaysia ini telah diadakan di Padang Ragbi A, UPM Serdang.



KARNIVAL SUKAN UPM 2019

Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) telah berjaya menganjurkan Karnival Sukan UPM bagi tahun 2019 pada 23 dan 24 Mac 2019. Pada edisi tahun 2019, sebanyak 7 jenis acara sukan telah dianjurkan. Antara sukan-sukan yang dipertandingkan ialah Bola Sepak Bawah umur 8, 10 dan 12 Tahun, Dodgeball Terbuka, Dart Amatur Double & Single, Sepak Takraw Terbuka & Bakat Baru, Ping Pong Novis, E-Sports (FIFA) dan Petanque. Sempena kejohanan ini juga, turut diadakan pameran mengenai sukan E-Sport bagi memperkenalkan sukan ini dengan lebih dekat kepada masyarakat setempat dan juga pelajar-pelajar universiti. Majlis perasmian Karnival Sukan UPM 2019 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM pada 23 Mac 2019.



PASUKAN OLAHRAGA UPM JALANI LATIHAN INTENSIF DI INDIA

Pasukan Olahraga UPM yang diberi oleh 12 orang atlet telah mengikuti Program Mobiliti sukan di Calicut Universiti, India bermula daripada 28 Mac hingga 11 April 2019. Sempena program tersebut, para atlet telah menimba pelbagai pengalaman baharu apabila berpeluang mengikuti latihan intensif Olahraga bersama Akademi Olahraga PT Usha selama 2 minggu.



ATLET UPM DOMINASI ANUGERAH UTAMA ANUGERAH SUKAN MAJLIS SUKAN UNIVERSITI MALAYSIA (MASUM) 2018

Atlet Universiti Putra Malaysia (UPM) mendominasi anugerah utama bagi Anugerah Sukan MASUM 2018 yang telah diadakan di Duyong Marina & Resort, Terengganu pada 27 April 2019 yang lalu. Pada majlis tersebut Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan, atlet sukan Hoki UPM/Kebangsaan telah dinobatkan sebagai Olahragawan MASUM 2018 manakala pelari pecut wanita UPM/Negara, Zaidatul Husniah Zulkifli (Olahraga) pula dinobatkan sebagai Olahragawati MASUM bagi tahun 2018.

Hadiyah pemenang utama telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Kamel Bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Strategik, Kementerian Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi). Majlis Anugerah Sukan MASUM 2018 diadakan bertujuan menghargai sumbangan atlet-atlet IPT yang telah menaikkan nama MASUM dan negara dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sepanjang tahun 2018.



ANUGERAH SUKAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) KE-35/2019

Atlet Hoki Negara dan UPM, Syed Mohamad Syafiq Syed Cholan dan atlet Olahraga, Zaidatul Husniah Zulkifili, masing-masing telah dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati UPM 2018 sempena Majlis Anugerah Sukan UPM ke-35/2019 yang telah diadakan di Bangi Resort Hotel, Bangi pada 30 April 2019. Kejayaan tersebut telah membolehkan mereka masing-masing membawa pulang hadiah kemenangan wang tunai RM 3000.00, jam tangan, sijil penghargaan, piala iringan, piala pusingan dan tajaan barang sukan daripada Zecon Sports Sdn. Bhd.. Majlis Anugerah Sukan UPM ke-35/2019 telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris, Naib Canselor UPM. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman (Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni, UPM), YBrs. Dr. Hanafiah Ayub (Ketua Pusat Sukan UPM) dan Dato' Vincent Chin selaku Penggerusi United States Sports Academy Malaysia (USSA-MY).



2 ATLET UPM TERIMA ANUGERAH DI ANUGERAH RAGBI KEBANGSAAN 2019

Dua orang atlet Ragbi UPM Serdang Angels telah memenangi anugerah sempena Anugerah Ragbi Kebangsaan 2019 yang telah berlangsung pada 30 Mac 2019 di Dewan Mercu UEM. Antara atlet Ragbi UPM Serdang Angels yang diberi pengiktirafan ialah Muhammad Azwan Zuwairi Mat Zizi yang memenangi Anugerah Pemain Lelaki Harapan 7s Antarabangsa dan Muhammad Abdul Karim turut memenangi Anugerah Pemain Harapan Lelaki Kebangsaan.

KEPUTUSAN KEJOHANAN SUKAN KOLEJ UPM SEMESTER 2, SESI 2018/2019

Kategori Lelaki

Bil.	Acara	Johan	Naib Johan
1	Bola Sepak	K6	KTDI
2	Hoki	KC	K13
3	Bola Keranjang	K10	KTDI
4	Catur	K17	K13
5	Bola Baling	KTP	K10
6	Bola Tampar	KTDI	KTP
7	Tenis	K17	K2
8	Petanque	K2	KTP
9	Sepaktakraw	K6	K2

Kategori Wanita

Bil.	Acara	Johan	Naib Johan
1	Bola Jaring	KTDI	K17
2	Bola Keranjang	KTDI	K11
3	Catur	K2	KC
4	Bola Tampar	K11	K2
5	Tenis	K2	K17
6	Bola Baling	KTDI	K2
7	Petanque	KTDI	K2
8	Ragbi Sentuh	K2	KTDI

*Johan Keseluruhan Sukan Kolej UPM sesi 2018/2019 bagi Kategori Lelaki & Wanita: Kolej Tun Dr. Ismail.

MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH ANGKAT PUSAT SUKAN UPM 2019

Posut Sukan UPM telah mengadakan Majlis Perasmian Program Sekolah Angkat Pusat Sukan UPM 2019 pada 20 April 2019 bertempat di Pusat Sukan UPM. Majlis perasmian ini diadakan sebagai tanda simbolik bermulanya perjalanan Program Sekolah Angkat bagi tahun 2019. Antara sukan-sukan yang terpilih untuk dijalankan ialah Program Sekolah Angkat sukan Memanah, Besbol, T Ball, Ragbi dan Olahraga. Majlis Perasmian Program Sekolah Angkat ini telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni UPM.



PENCAPAIAN ATLET/PASUKAN UPM (MAC/APRIL 2019)

Bil.	Tarikh/Tempat	Kejohanan	Peringkat	Pencapaian
1	27 Mac 2019 (Singapura)	Kejohanan Balapan dan Padang Singapura 2019	Antarabangsa	1 Emas *Muhammad Hakimi Ismail
2	31 Mac 2019 (Ukraine)	Ukraine International Cup (Gimnastik)	Antarabangsa	1 Perak *Tracie Ang
3	11-14 April 2019 (Universiti Utara Malaysia)	Karnival Futsal Wanita IPT 2019	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suku Akhir
4	13 & 14 April 2019 (Universiti Putra Malaysia)	Serdang 10's Ragbi	Kebangsaan	Naib Johan Cup
5	15-17 April 2019 (Macau, China)	1st Asian University Karate Championship 2019	Asia	1 Perak
6	20 April – 21 April 2019 (Universiti Malaysia Sarawak)	Kejohanan Ragbi UniMAS 7 2019	Kementerian Pendidikan Malaysia	Naib Johan Cup
7	20-21 April 2019 (Multimedia Universiti)	FUYUN-MMU Badminton Master 2019	Kementerian Pendidikan Malaysia	Suku Akhir
8	27-28 April 2019 (Multimedia Universiti)	Kejohanan Lawan Pedang Terbuka MMU kali ke-9, 2019	Kementerian Pendidikan Malaysia	4 Gangsa